

02/10/2002

Layanan AS terhadap Dr Mahathir lebih kasar (HL)

Misiah Taib; Salina Abdullah

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad turut diperiksa pihak berkuasa Amerika Syarikat, malah lebih kasar berbanding yang dialami timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri mengalami peristiwa itu ketika singgah dengan pesawat kerajaan di New York dalam perjalanan ke Washington, Mei lalu.

"Sewaktu saya sampai di New York, ketika dijemput untuk ke Washington, pegawai keselamatan yang naik jet saya dengan nada keras berkata 'tidak siapa boleh bergerak sehingga diperiksa'.

"Tak payahlah...kalau nak periksa pun periksalah. Tak payahlah keras-keras sangat. Saya bukan pencuri...saya bukan pengganas," katanya yang kesal dengan tindakan pegawai itu mengeluarkan arahan keras dan kasar terhadapnya.

Beliau memberitahu pemberita demikian selepas merasmikan Konvensyen Antarabangsa Mengenai Bioteknologi 2002, di sini hari ini.

Pada 15 September lalu, pegawai keselamatan Amerika mengarahkan Abdullah membuka kasut dan tali pinggang di Lapangan Terbang Antarabangsa Los Angeles ketika Timbalan Perdana Menteri mahu berlepas ke New York untuk menghadiri perhimpunan agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).

Ketika mendedahkan perkara itu di Dewan Rakyat semalam, Ahli Parlimen Wangsa Maju, Datuk Zulhasnan Rafique, berkata walaupun memiliki pasport diplomatik dan visa G (kerajaan), Abdullah dikenakan pemeriksaan terperinci.

Dr Mahathir berkata, kejadian itu menunjukkan pihak berkuasa Amerika tidak memikirkan langsung kedudukan seseorang sebagai pemimpin negara luar sehingga diberi layanan seumpama itu.

Beliau turut melahirkan kesalnya dengan tindakan terbaru Amerika mengenakan pemeriksaan lebih ketat menerusi prosedur Sistem Pendaftaran Keluar Masuk Keselamatan Kebangsaan (NSEERS) terhadap rakyat Malaysia dan beberapa warga negara lain yang memasuki negara itu, mulai hari ini.

Sistem itu termasuk pendaftaran, pengambilan cap jari dan gambar individu yang tiba di pintu masuk Amerika.

Ditanya sama ada tindakan Amerika itu dan langkah Kanada mewajibkan pemegang pasport Malaysia memohon visa memasuki negaranya sejak 25 September mencerminkan perasaan anti-Islam di Barat, beliau berkata memang sudah wujud perasaan itu secara umum akibat tindakan segelintir pihak.

"Akibatnya seluruh dunia Islam nampaknya sudah dilabel (sebagai pengganas) sehingga mereka terpaksa menjalani pemeriksaan sebegitu rupa terhadap kita, untuk memastikan kita bukan pengganas.

"Amatlah malang pendirian sebegini diambil. Tapi itu negara mereka dan menjadi hak mereka," katanya.

Perdana Menteri bagaimanapun percaya tindakan itu tidak menjejaskan imej Malaysia di mata pelabur asing.

"Saya fikir orang bisnes tahu bahawa Malaysia adalah tempat yang selamat bagi mereka, jauh lebih selamat berbanding negara mereka sendiri.

"Serangan yang dilakukan adalah ke atas negara mereka. Sama ada dengan merempuh bangunan sehingga tumbang, atau pun menyebarkan antraks, semuanya berlaku di sana. Jadi di sana yang bahaya, di Malaysia tak ada bahaya," katanya.